

PANDUAN IBADAH

▶ PUASA

PEJABAT IMAM BESAR NEGERI SARAWAK

PEJABAT MAJLIS ISLAM SARAWAK

MAJLIS ISLAM SARAWAK

APAKAH ITU PUASA RAMADHAN ?

Rukun Islam yang keempat

DEFINISI : Puasa ialah menahan diri daripada segala perkara yang boleh membatalkan puasa, bermula dari terbit fajar (masuk waktu subuh) hingga matahari terbenam (masuk waktu maghrib), dengan niat yang khusus.

HUKUM : Fardhu Ain iaitu wajib ke atas setiap individu muslim yang telah cukup syarat-syarat wajib puasa.

SIAPAKAH YANG WAJIB BERPUASA ? (SYARAT WAJIB PUASA)

ISLAM

- Orang kafir selagi tidak memeluk Islam, amalan dan tuntutan berpuasa tidak bererti bagi mereka.

MUKALLAF

- Sihat mental dan telah baligh.
- Tidak wajib ke atas kanak-kanak belum baligh dan orang gila.

MAMPU

- Tidak wajib ke atas orang yang tidak mampu kerana faktor usia & orang yang sakitnya tiada harapan sembuh.
- Tidak wajib ke atas wanita yang haid dan nifas (haram berpuasa).


SIHAT

- Tidak wajib ke atas orang sakit yang jika berpuasa dibimbangi akan binasa, lambat sembuh, atau semakin parah sakitnya.

BERMUKIM

- Tidak wajib ke atas musafir dengan syarat tujuannya bukan maksiat, dua marhalah atau lebih dan bertolak sebelum subuh. Namun, berpuasa baginya lebih baik.

GOLONGAN YANG DIHARUSKAN MEMILIH BERPUASA ATAU QADA'



APAKAH SYARAT SAHNYA PUASA ? (SYARAT SAH PUASA)

ISLAM (Sepanjang Hari)

- Batal puasa jika murtad walau seketika

SIHAT MENTAL (BERAKAL) (Sepanjang Hari)

- batal puasa jika menjadi gila walau seketika, dan jika mabuk atau pengsan sepanjang hari

SUCI DARIPADA HAID DAN NIFAS (Sepanjang Hari)

- Batal puasa jika keluar darah haid atau nifas pada siang hari walaupun hampir waktu berbuka.

BERPUASA PADA HARI YANG DIBOLEHKAN BERPUASA

RUKUN PUASA

NIAT

Mesti meniatkan dalam hati :

1. Berniat pada waktu malamnya (bila-bila masa antara Maghrib hingga sebelum Subuh)
2. Menentukan jenis puasa (mesti meniatkan **puasa Ramadan**)
3. Berniat pada **setiap malam** untuk puasa keesokan harinya (bila-bila masa antara Maghrib hingga sebelum Subuh)

MENAHAN DIRI DARIPADA PERKARA YANG MEMBATALKAN PUASA

- Puasa tidak batal jika perkara itu dilakukan kerana :
 1. Lupa (dirinya sedang berpuasa)
 2. Dipaksa (*mukrah*); atau
 3. Jahil yang dimaafkan (iaitu tinggal jauh dari ulama; baru masuk Islam)

LAFAZ NIAT PUASA RAMADAN


Lafaz niat puasa Ramadan yang paling sempurna ialah melafazkan dengan lisan (mulut) dan menghadirkan di dalam hati lafaz berikut :

نَوَيْتُ صَوْمَ غَدٍ عَنْ أَدَاءِ فَرَضِ شَهْرِ رَمَضَانَ
لِهَذِهِ السَّنَةِ لِلَّهِ تَعَالَى

“Sahaja aku berpuasa esok hari bagi menunaikan fardhu bulan Ramadan pada tahun ini kerana Allah Ta’ala”

Sunat Berniat Puasa Sebulan Penuh Pada Malam Pertama Bulan Ramadan (mengikut Mazhab Maliki)

نَوَيْتُ صَوْمَ شَهْرِ رَمَضَانَ كُلِّهِ هَذِهِ السَّنَةِ لِلَّهِ
تَعَالَى



"Sahaja aku berpuasa bulan Ramadan sepenuhnya pada tahun ini kerana Allah Ta'ala"

APAKAH PERKARA YANG MEMBATALKAN PUASA ?

1. MAKAN &
MINUM
(Dengan Sengaja)

2. MURTAD

3. MUNTAH
(Dengan Sengaja)

4. BERSETUBUH
(Dengan Sengaja)

5. MENGELUARKAN
AIR MANI
(ISTIMNA')
(Dengan Sengaja)

6. HAID, NIFAS &
WILADAH

7. GILA
(Walau Seketika)

8. MABUK &
PENGSAK
(Sepanjang hari)

9. SESUATU BENDA MASUK KE DALAM
RONGGA MELALUI RUANG YANG SEDIA
TERBUKA
(Mulut, Hidung, Telinga, Qubul & Dubur)

PERKARA SUNAT DALAM IBADAH PUASA

1. SEGERA BERBUKA
2. BERSAHUR
3. MELEWATKAN MAKAN SAHUR
4. BERDOA KETIKA BERBUKA
5. BERBUKA DENGAN MENDAHULUKAN MAKAN KURMA
6. MEMBERI JUADAH BERBUKA KEPADA ORANG YANG BERPUASA
7. MANDI JUNUB SEBELUM MASUK WAKTU SUBUH
8. MANDI PADA SETIAP HARI SELEPAS MAGHRIB
9. MENUNAIKAN SOLAT SUNAT TARAWIH & SOLAT SUNAT WITIR
10. MEMBANYAKKAN BACAAN AL-QURAN, BERSEDEKAH, BERIKTIKAF DI MASJID
11. MENINGGALKAN KATA-KATA KEJI DAN PERBUATAN YANG MEMBERAHIKAN

DOA BERBUKA PUASA

اللَّهُمَّ لَكَ صُومْتُ، وَبِكَ آمَنْتُ، وَعَلَى رِزْقِكَ أَفْطَرْتُ، ذَهَبَ الظَّمَأُ، وَابْتَلَتِ العُرُوقُ، وَثَبَتَ
الأَجْرُ إِنْ شَاءَ اللهُ، أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَعَانَنِي فَصُمْتُ، وَرَزَقَنِي فَأَفْطَرْتُ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ
بِرَحْمَتِكَ الَّتِي وَسِعَتْ كُلَّ شَيْءٍ أَنْ تَغْفِرَ لِي، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

“Ya Allah, kerana-Mu aku berpuasa, dengan-Mu aku beriman, atas rezeki-Mu aku berbuka. Dahaga telah hilang, urat-urat telah terpenuhi dan pahala telah tetap jika Allah mengkehendaki. Segala puji bagi Allah yang telah membantuku, lalu aku berjaya berpuasa dan memberi rezeki kepadaku, lalu aku dapat berbuka puasa. Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepada-Mu dengan rahmat-Mu yang meluas pada setiap sesuatu, untuk mengampunkan diriku, wahai yang Paling Penyayang di kalangan yang penyayang.”

PERKARA MAKRUH DALAM PUASA

1. MENGULUM, MENGEMAM, MENAHAN ATAU MENARUH SESUATU DI DALAM MULUT

- Batal puasa jika ditelan.

2. MERASA MAKANAN TANPA KEPERLUAN

- Tidak makruh jika ada keperluan untuk merasanya
- Batal jika ditelan

3. BERBEKAM

- Makruh ke atas orang yang minta dibekam
- Makruh ke atas orang yang menawarkan rawatan bekam

4. MENYELAM

- Makruh walaupun kerana hendak mandi wajib

5. BERSIWAK SELEPAS MASUK WAKTU ZOHOR

6. BANYAK TIDUR

7. MAKAN TERLALU KENYANG

8. MELAKUKAN PERKARA YANG BERTENTANGAN DENGAN SUNAT-SUNAT PUASA

GOLONGAN YANG PUASA RAMADANNYA BATAL TETAPI WAJIB TIDAK MAKAN DAN MINUM DAN WAJIB QADA'



ISU PUASA & HUKUMNYA

BIL	ISU	HUKUM PUASA
1	Makan dan minum dengan sengaja (tahu sedang berpuasa)	BATAL walaupun sedikit
2	Makan dan minum kerana lupa sedang berpuasa.	SAH walaupun banyak
3	Seseorang yang bersahur meluahkan makanan yang ada dalam mulutnya ketika terbit fajar (azan Subuh).	SAH
4	Seseorang yang bersahur menelan makanan yang ada dalam mulutnya ketika terbit fajar (azan Subuh).	BATAL
5	Menelan dengan sengaja sesuatu walau sebesar biji sawi atau sisa makanan di gigi.	BATAL
6	Menelan air liur (yang terdapat dalam mulutnya; yang tidak bercampur dengan benda lain seperti sisa makanan atau najis seperti darah)	SAH
7	Menelan air liur (yang telah terkeluar dari dalam mulutnya; atau yang bercampur dengan benda lain seperti sisa makanan atau najis seperti darah)	BATAL

ISU PUASA & HUKUMNYA

BIL	ISU	HUKUM PUASA
1	Tertelan air ketika melakukan mandi yang wajib (seperti mandi junub) atau mandi yang sunat (seperti mandi sunat Jumaat).	<ul style="list-style-type: none">- BATAL : Jika mandi dengan cara menyelam- SAH : Jika mandi dengan cara yang tidak berlebihan seperti melalui air paip dan timba.
2	Tertelan air secara tidak sengaja ketika melakukan mandi yang biasa seperti hanya untuk membersihkan badan.	<ul style="list-style-type: none">- BATAL

ISU PUASA & HUKUMNYA

BIL	ISU	HUKUM PUASA
1	Tertelan air secara tidak sengaja ketika melakukan perkara yang sunat dalam berwuduk (iaitu memasukkan air dalam hidung atau berkumur-kumur)	<ul style="list-style-type: none">- BATAL jika berlebihan-lebih- SAH jika tidak berlebihan (seperti berhati-hati)
2	Tertelan air secara tidak sengaja ketika melakukan perkara yang tidak disunatkan (seperti berkumur kali keempat ketika wuduk atau berkumur-kumur yang biasa)	<ul style="list-style-type: none">- BATAL

ISU PUASA & HUKUMNYA

BIL	ISU	HUKUM PUASA
1	Keluar air mani sama ada dengan perbuatan berkucup dan seumpamanya atau dengan tangan.	<ul style="list-style-type: none">- BATAL jika dilakukan dengan sengaja.- SAH jika tidak dilakukan dengan sengaja dan tidak dapat menahannya daripada keluar.
2	Bersetubuh pada siang hari.	<ul style="list-style-type: none">- BATAL jika sengaja iaitu tahu :<ul style="list-style-type: none">i) dirinya sedang berpuasa; danii) tegahan berjimak ketika puasa- SAH jika tidak sengaja.

ISU PUASA & HUKUMNYA

BIL	ISU	HUKUM PUASA
1	Muntah ketika sedang berpuasa.	<ul style="list-style-type: none">- BATAL jika sengaja seperti memasukkan sesuatu ke dalam mulut sehingga muntah.- SAH jika tidak sengaja iaitu tidak mampu menahan daripada muntah kerana demam dan sebagainya.
2	Gila atau murtad ketika sedang berpuasa	<ul style="list-style-type: none">- BATAL walaupun seketika

ISU PUASA & HUKUMNYA

BIL	ISU	HUKUM PUASA
1	Pengsan atau mabuk pada siang hari dalam bulan Ramadan	<ul style="list-style-type: none">- BATAL jika pengsan sepanjang hari bermula dari terbitnya fajar hingga terbenamnya matahari.- SAH jika ada tersedar walau seketika.
2	Tidur sepanjang hari ketika berpuasa.	<ul style="list-style-type: none">- SAH puasanya.

ISU PUASA & HUKUMNYA

BIL	ISU	HUKUM PUASA
1	Menderma darah ketika sedang berpuasa	- SAH tetapi makruh
2	Menjalani pemindahan darah atau memasukkan cecair glukosa dan sebagainya ke dalam badan melalui suntikan pada urat.	- BATAL kerana 'ain benda itu akan masuk ke rongga perut dan mengalir ke seluruh tubuh badan serta menyebabkan rasa kenyang.

ISU PUASA & HUKUMNYA

BIL	ISU	HUKUM PUASA
1	Menitiskan cecair ubat mata pada mata ketika puasa.	<ul style="list-style-type: none">- SAH- BATAL jika diyakini cecair yang dititiskan itu terasa masuk sampai ke kerongkong dan ditelan. Tetapi jika diludahkan maka tidak membatalkan puasa.
2	Berpuasa tetapi melakukan perkara-perkara mungkar dan maksiat dengan sengaja seperti meninggalkan sembahyang, mendedahkan aurat, mengumpat dan sebagainya.	<ul style="list-style-type: none">- SAH tetapi berdosa

ISU PUASA & HUKUMNYA

BIL	ISU	HUKUM PUASA
1	Berbuka puasa dengan sangkaan bahawa waktu maghrib sudah masuk, tetapi sebetulnya waktu maghrib belum masuk .	- BATAL
2	Masih makan sahur dengan sangkaan bahawa waktu Subuh belum masuk, tetapi sebetulnya waktu Subuh sudah masuk .	- BATAL